



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA
KOD KURSUS : MPU2123/MPU1013
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH** (20) soalan.
Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1.

- Wujud hubungan dengan masyarakat luar.
- Terlibat dalam aktiviti perdagangan.
- Pandai membuat dan menggunakan alat

Rajah 1

Rajah 1 merujuk kepada zaman

- A Logam
- B Neolitik
- C Mesolitik
- D Paleolitik

2. Mengapakah lembah sungai menjadi pusat pembentukan tamadun awal manusia?

- A Kesuburan tanah
- B Kubu pertahanan
- C Keluasan kawasan
- D Keamanan persekutuan

3. Siapakah yang berperanan seperti Menteri Kewangan ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

Kaum	Penempatan
Melayu	Kawasan pedalaman
Cina	Kawasan bandar dan lombong
India	Kawasan A

Rajah 2

4. Berdasarkan Rajah 2, penempatan apakah yang merujuk kepada A semasa zaman pemerintahan British di Tanah Melayu?
- A Kampung
 - B Estet
 - C Pinggir hutan
 - D Pinggir pantai
5. Bilakah bermulanya campur tangan British di Tanah Melayu?
- A Perjanjian Inggeris – Belanda 1824
 - B Samford Raffles menduduki Singapura 1819
 - C Francis Light menduduki Pulau Pinang 1786
 - D Perjanjian Burney antara kerajaan British dengan Siam
6. Apakah nama sistem undang-undang yang digunakan bagi peraturan perdagangan, peraturan hukum jenayah di laut dan di pelabuhan ketika pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka?
- A Undang-undang Laut
 - B Hukum Kanun Melaka
 - C Sistem Pembesar Empat Lipatan
 - D Perjanjian London

7. Salah satu kesan hasil daripada pengenalan Malayan Union adalah penubuhan UMNO. Siapakah tokoh berikut merupakan pengasas parti UMNO?
- A Tunku Abdul Rahman
 - B Tun Abdul Razak
 - C Dato Onn Jaafar
 - D Dr. Burhanuddin



Rajah 3

8. Rajah 3 menunjukkan bantahan masyarakat tempatan dalam penubuhan Malayan Union. Apakah tujuan penubuhan ini ditubuhkan?
- A Kukuhkan pertahanan Belanda di Tanah Melayu
 - B Meningkatkan kuasa politik orang Melayu
 - C Jimatkan perbelanjaan pentadbiran British
 - D Meluaskan kuasa Raja-raja Melayu

9. Kota Ulu dan Kota Palas merupakan dua daripada tiga pusat pentadbiran di Kedah ketika pentadbiran Sultan Muzaffar. Apakah satu lagi nama pusat pentadbiran tersebut?
- A Kuala Ketil
 - B Baling
 - C Pokok Sena
 - D Langkawi
10. Tanah Melayu pernah dijajah oleh kuasa asing yang terdiri daripada Portugis, Belanda, British dan Jepun. Berapa lamakah penjajahan tersebut berlaku sehingga kita mencapai kemerdekaan?
- A 446 tahun
 - B 449 tahun
 - C 452 tahun
 - D 507 tahun

Perayaan ini diraikan pada hari ke-15 selepas Tahun Baru yang juga merupakan hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina.

Rajah 4

11. Rajah 4 menerangkan tentang salah satu perayaan yang disambut oleh masyarakat Cina. Apakah perayaan tersebut?
- A Perayaan Hantu Lapar
 - B Chap Goh Mei
 - C Perayaan Ching Ming
 - D Perayaan Kuih Bulan

12. Apakah suku kaum yang terbesar di negeri Sarawak?
- A Bajau
 - B Iban
 - C Kadazan-Dusun
 - D Mamak
13. Apakah maksud meraikan perayaan Hari Thaipusam bagi mereka yang beragama Hindu?
- A kegembiraan
 - B perayaan lampu
 - C tanda kelahiran Dewa Krishna
 - D penebusan dosa dan membayar nazar



Rajah 5

14. Berdasarkan Rajah 5, kaum ini telah mengalami satu proses tahap hubungan etnik pada satu masa dahulu. Apakah nama proses tersebut?
- A. Asimilasi
 - B. Akulturasi
 - C. Akomodasi
 - D. Amalgamasi

15. Ekoran rusuhan kaum 13 Mei 1969, darurat telah diisytiharkan bagi menjamin keselamatan semua pihak. Siapakah yang mengisytiharkan darurat ketika itu?
- A Majlis Gerakan Negara
 - B Majlis Perundangan Negara
 - C DYMM Yang di-Pertuan Agong
 - D Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

16. Mengapakah sejarah hubungan antara kaum di Malaysia berubah kepada bekerjasama setelah merdeka ?
- A Persaingan antara parti
 - B Setiap kaum hidup berasingan
 - C Hubungan antara kaum lama terjalin
 - D Membebaskan negara daripada penjajah

17.

- *Perayaan ini disambut pada 14 April setiap tahun.*
- *Penganut perayaan ini akan berkumpul dan menjalani upacara mandi minyak.*
- *Penganut akan pergi ke rumah ibadat mereka iaitu kuil.*

Rajah 6

Berdasarkan Rajah 6, apakah jenis perayaan yang menggambarkan pernyataan di atas?

- A Ponggal
- B Thaipusam
- C Tahun Baru India
- D Perayaan menyambut dewa

18. Bilakah umat Islam menyambut Nuzul Al-Quran untuk memperingati turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad?
- A 17 Ramadan
 - B 18 Ramadan
 - C 19 Ramadan
 - D 20 Ramadan
19. Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan boleh dirujuk kepada
- A Perkara 3
 - B Perkara 11
 - C Perkara 153
 - D Perkara 152
20. Maulidur Rasul merupakan perayaan yang disambut oleh umat Islam sempena
- A Turunnya al-Quran
 - B Kelahiran Nabi Muhammad SAW
 - C Kewafatan Nabi Muhammad SAW
 - D Perkahwinan Nabi Muhammad SAW

[20 Markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan.
Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Rajah 7


Rajah 7 menunjukkan Sistem Pembesar Empat Lipatan semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

- a. Namakan sistem pembesar berlabel Q. (2 Markah)

- b. Senaraikan jawatan pembesar dalam 1 (a). (4 Markah)

- c. Terangkan fungsi mana-mana **dua** (2) pembesar utama ketika pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. (4 Markah)

SOALAN 2



Rajah 8

Rajah 8 menunjukkan pendudukan kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu. Catatan sejarah menunjukkan negara ini telah diduduki kuasa-kuasa asing.

- a. Namakan kuasa asing berlabel X yang telah menjajah Tanah Melayu.
(1 Markah)
- b. Berikan nama wizurai (panglima) yang bertanggungjawab menyusun sistem pentadbiran Portugis di Melaka.
(2 Markah)
- c. Senaraikan **tiga** (3) orang pegawai British yang pernah dilantik sebagai residen British di Tanah Melayu.
(3 Markah)
- d. Beberapa faktor mengundang kepada kejayaan Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1942. Senaraikan **empat** (4) faktor tersebut.
(4 Markah)


SOALAN 3



Rajah 9

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan etnik seperti yang digambarkan seperti rajah di atas?
(2 Markah)
- b. Senaraikan **empat** (4) masalah awal perpaduan kaum rakyat Malaysia.
(4 Markah)
- c. Berikan **dua** (2) cadangan anda untuk menyelesaikan masalah perpaduan kaum.
(4 Markah)

SOALAN 4



Rajah 10

Rajah 10 menunjukkan proses perkembangan tahap hubungan etnik di Malaysia bermula dari zaman penjajahan hingga kini.

- a. Namakan peringkat yang berlabel Y.
(1 Markah)
- b. Terangkan maksud peringkat hubungan etnik berlabel Y.
(3 Markah)
- c. Berikan **dua** (2) contoh situasi yang menunjukkan proses berlabel Y berlaku di dalam masyarakat Malaysia.
(4 Markah)
- d. Berikan formula yang digunakan untuk menunjukkan konsep hubungan etnik berlabel Y.
(2 Markah)

SOALAN 5


“Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekeriti mulia, mempunyai hemah yang tinggi, berjiwa besar, cintakan negara dan mereka juga mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani. Kita mestilah menjadi rakyat yang cintakan negara ini, rakyat yang bersemangat, bersedia bekerja dengan kuat, bekerja dengan rajin serta menjadi rakyat yang mengamalkan budi bahasa yang bermutu tinggi.”

Rajah 11

Rajah 11 adalah petikan yang disampaikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika sambutan kemerdekaan tahun 2005. Sejak itu, pembangunan modal insan telah ditekankan secara menyeluruh dalam semua agensi sama ada awam atau swasta termasuklah pelajar di institusi pengajian tinggi.

- a. Berdasarkan petikan pada Rajah 11, apakah yang anda faham tentang modal insan?
(2 markah)
- b. Nyatakan **dua** (2) kepentingan modal insan kepada negara.
(4 markah)
- c. Senaraikan **empat** (4) cara memperkasakan modal insan.
(4 markah)

SOALAN 6



Rajah 12

Rajah 12 menunjukkan tempat ibadat bagi agama-agama utama yang berada di Malaysia. Walaupun Agama Islam merupakan agama rasmi namun agama lain tetap boleh dianuti tanpa sebarang halangan sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan Malaysia.

- a. Berdasarkan Rajah 12, senaraikan agama-agama utama yang terdapat di Malaysia.
(4 markah)
- b. Di dalam Islam terdapat enam elemen asas hubungan antara manusia. Senaraikan **empat** (4) daripadanya.
(4 markah)
- c. Berikan dua bentuk toleransi agama di Malaysia.
(2 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan.

Jawab SATU (1) soalan sahaja dalam Buku Jawapan.

1. Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang hidup dalam keadaan aman dan damai. Justeru, pelbagai kepercayaan dan kebudayaan dapat diamalkan oleh setiap rakyat. Huraikan kebudayaan dan adat resam yang diamalkan oleh kaum-kaum utama di Semenanjung Malaysia.
(20 markah)

2. Rukun Negara Malaysia dibentuk selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Huraikan objektif Rukun Negara dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya.
(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

